

KHUTBAH JUMAAT

“RAJA ADIL MEMAYUNGI NEGARA, RAKYAT SETIA MEMAKMURKAN NEGARA”

(12 Jun 2026M/ 26 Zulhijjah 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا، وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْ لَا أَنْ
هَدَانَا اللَّهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang sentiasa berada dalam rahmat dan perlindungan-Nya.

Bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Peringkat Sarawak Tahun 2026, mimbar pada hari ini mengangkat tajuk: **“Raja Adil Memayungi Negara, Rakyat Setia Memakmurkan Negara.”**

Tajuk ini mengingatkan kita bahawa kemakmuran sesebuah negara

tidak lahir secara kebetulan. Ia terbina melalui kepemimpinan yang adil, institusi yang kukuh serta rakyat yang bersatu dan bertanggungjawab. Apabila pemimpin melaksanakan amanah dengan adil dan rakyat melaksanakan tanggungjawab dengan setia, maka lahirlah sebuah negara yang aman, makmur dan dikurniakan rahmat dan berkat oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam meletakkan kepemimpinan sebagai satu amanah yang besar. Pemimpin bukan sekadar pemegang kuasa, bahkan pemikul tanggungjawab untuk menegakkan keadilan, memelihara keamanan, menjaga kebajikan rakyat serta mempertahankan agama dan negara. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nisa', ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ ...

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil ...*

Imam Ibnu Jarir at-Tabari *rahimahullah* dalam kitabnya *Tafsir at-Tabari* menjelaskan bahawa, "*Dan yang dimaksudkan dengannya ialah setiap orang yang diberikan tanggungjawab terhadap sesuatu amanah. Maka, termasuklah para pemimpin dan pemerintah iaitu mereka yang memegang urusan umat Islam, serta setiap orang yang*

diberikan suatu amanah sama ada dalam urusan agama mahupun dunia."

Ayat tadi menjadi asas penting dalam sistem pemerintahan Islam. Amanah merupakan asas kepimpinan, manakala keadilan merupakan asas kestabilan negara. Keadilan bukan sekadar memberikan hak kepada yang berhak, bahkan memastikan setiap rakyat mendapat layanan yang saksama tanpa mengira kedudukan, keturunan atau latar belakang.

Sejarah membuktikan bahawa sesebuah negara akan menjadi kuat apabila dipimpin dengan amanah dan keadilan. Sebaliknya, kezaliman dan pengkhianatan amanah menjadi sebab kepada kelemahan dan kehancuran sesebuah tamadun.

Dalam konteks negara kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan lambang perpaduan negara, pelindung agama Islam dan payung yang menaungi seluruh rakyat. Institusi Raja menjadi salah satu tonggak penting dalam memastikan kestabilan, keharmonian dan kelangsungan sistem kenegaraan yang diwarisi sejak sekian lama.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Jika Raja mempunyai amanah untuk memayungi negara, maka rakyat pula mempunyai amanah untuk memakmurkannya. Kesetiaan rakyat bukan sekadar ungkapan di bibir atau slogan yang dilaungkan, tetapi diterjemahkan melalui ketaatan kepada pemimpin, kepatuhan kepada undang-undang, penghormatan kepada institusi negara,

semangat perpaduan serta kesediaan menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nisa', ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ ...

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.*

Ayat tadi menunjukkan bahawa ketaatan kepada pemerintah yang melaksanakan urusan negara menurut syariat dan kemaslahatan rakyat merupakan sebahagian daripada tuntutan agama.

Pada masa yang sama, Islam menolak segala bentuk fitnah, hasutan, kebencian dan perpecahan yang boleh menggugat keamanan serta kestabilan negara. Rakyat yang setia ialah rakyat yang menjaga keamanan, menghormati undang-undang, memelihara keharmonian masyarakat, menolak budaya permusuhan dan sentiasa mengutamakan kepentingan negara melebihi kepentingan diri sendiri.

Lebih daripada itu, rakyat yang setia ialah rakyat yang berusaha memakmurkan negara melalui pekerjaan yang halal, menuntut ilmu, meningkatkan kemahiran, menjaga integriti, memelihara harta awam serta menyumbang kepada pembangunan ummah dan negara mengikut kemampuan masing-masing.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kemakmuran tidak akan dapat dicapai tanpa perpaduan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ali Imran, ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ...

Maksudnya: *Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai;*

Perpecahan antara punca utama kejatuhan sesebuah bangsa dan tamadun. Sebaliknya, perpaduan akan melahirkan kekuatan yang mampu menghadapi cabaran ekonomi, sosial dan keselamatan. Banyak negara yang suatu ketika dahulu aman dan makmur akhirnya musnah akibat konflik dalaman, perpecahan, permusuhan dan perebutan kuasa.

Sebaliknya, negara yang rakyatnya bersatu, saling mempercayai dan menghormati antara satu sama lain akan lebih mudah menghadapi cabaran serta mengekalkan kemakmuran. Oleh sebab itu, kita hendaklah menjauhi segala bentuk fitnah, berita palsu, hasutan kebencian dan budaya menghina yang semakin berleluasa khususnya melalui media sosial pada masa kini.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada saat kita hadir ke masjid dalam keadaan aman dan tenang, terdapat saudara-saudara kita di pelbagai tempat di dunia yang hidup dalam ketakutan, kehilangan tempat tinggal bahkan kehilangan ahli keluarga akibat peperangan dan konflik yang berpanjangan.

Keamanan, kemakmuran dan kestabilan yang kita nikmati pada hari ini tidak akan dapat dipertahankan tanpa kerjasama antara pemimpin dan rakyat. Pemimpin memikul amanah untuk memerintah dengan adil, manakala rakyat memikul amanah untuk taat dalam perkara yang makruf, memelihara perpaduan serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Sesungguhnya, amanah bukan hanya terpikul di bahu pemimpin, bahkan turut tergalas di bahu seluruh rakyat. Jika pemimpin melaksanakan tanggungjawab dengan penuh keadilan dan kebijaksanaan, maka rakyat hendaklah membalasnya dengan kesetiaan, kepercayaan dan komitmen untuk bersama-sama memakmurkan negara.

Oleh sebab itulah, semangat kesetiaan kepada Raja dan negara bukan sekadar diwarisi sebagai tradisi, bahkan sebahagian daripada tanggungjawab untuk memelihara kestabilan, keharmonian dan kesejahteraan yang menjadi nikmat kepada seluruh rakyat.

Maka bersempena dengan sambutan **Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** pada tahun ini, marilah kita menzahirkan rasa syukur atas nikmat keamanan yang dikecapi serta memperbaharui tekad untuk terus mempertahankan perpaduan, menjunjung institusi Raja dan memakmurkan negara.

Dirgahayu Tuanku. Daulat Tuanku. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* terus mengurniakan keberkatan, kesejahteraan dan

petunjuk kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam memayungi negara dengan penuh keadilan dan kebijaksanaan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Di penghujung khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting:

Pertama: Raja yang adil dan amanah menjadi payung kepada kestabilan negara.

Kedua: Rakyat yang setia dan bertanggungjawab menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

Ketiga: Perpaduan dan keharmonian adalah benteng utama yang memelihara keamanan dan kesejahteraan.

Keempat: Nikmat keamanan wajib disyukuri dan dipelihara agar terus diwarisi oleh generasi akan datang.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nisa', ayat 58 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
﴿۞﴾ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا
(۵۸)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu. Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, agar hidup kita diberkati. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Mukminun, ayat 51:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا ۚ إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ

Maksudnya: *Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

Hindarkanlah diri dan keluarga kita daripada segala perkara yang boleh memudaratkan seperti penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ampunilah segala dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah

nikmat keselamatan, kesehatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنِثْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.